

Conference e-Proceedings

eISBN 978-967-2072-43-0

Physical & Online



I-RoLE 2023

INTERNATIONAL CONFERENCE OF
RESEARCH ON LANGUAGE EDUCATION 2023

**EMBRACING CHANGE:
EMANCIPATING THE LANDSCAPE
OF RESEARCH IN LINGUISTIC,
LANGUAGE AND LITERATURE**

13 - 14 MARCH 2023

**NOBLE RESORT HOTEL MELAKA
MALAYSIA**

ORGANISER



Cawangan Melaka

CO ORGANISERS



**UNIVERSITI
MELAKA**



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

CONFERENCE MANAGER



WMIT GROUP SDN BHD
138118-A



eISBN 978-967-2072-43-0

Physical & Online

I-RoLE 2023

INTERNATIONAL CONFERENCE OF RESEARCH
ON LANGUAGE EDUCATION 2023

Conference e-Proceedings

International Conference of Research on Language Education 2023

13-14 March 2023 • Noble Resort Hotel, Melaka



**Conference e-Proceedings
International Conference of Research on
Language Education 2023
e-ISBN: 978-967-2072-43-0**

**“Embracing Change: Emancipating the Landscape of
Research in Linguistics, Language and Literature”**

**13-14 March 2023
Noble Resort Hotel, Melaka
*Physical and Online Conference***

ORGANISER



CO ORGANISERS



CONFERENCE MANAGER





EDITORIAL BOARD

Chairman

Dr. Ameiruel Azwan bin Ab Aziz
Universiti Teknologi MARA

Committee Member

Fazlinda binti Hamzah
Universiti Teknologi MARA

Mohd Azlan Shah bin Sharifudin
Universiti Teknologi MARA

Dr. Amirah binti Mohd Juned
Universiti Teknologi MARA

Coordinator

Zesdyzar Rokman
WMIT Group Sdn Bhd

Rozielawati Rosli
WMIT Group Sdn Bhd

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

The views and opinions expressed therein are those of the individual authors and any statements in this publication do not imply endorsement by the publisher or the editorial staff.

e ISBN 978-967-2072-43-0



Publisher:
Zes Rokman Resources (2131022-P)
Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan



Conference e-Proceedings
International Conference of Research on Language Education 2023
e-ISBN: 978-967-2072-43-0

Table of Contents

No.	Title	Page Number
1.	Galaxy Tense A+: The Effectiveness of English Tenses Board Game Among Tertiary Students	6
2.	Graphic Design Website: Exploring Market Needs for Services	14
3.	Beyond What Eye Saw	21
4.	Creative Writing: Through Her Eyes - Tales of The Heart	28
5.	Let's Play Phonetic Charades	34
6.	A Visual Novel Game on Social Anxiety	40
7.	Skin Care with Fisha: New Media Content Creation for Basic Skincare Education	48
8.	e-Book of Poem Collections	55
9.	Toodles: Flashcards for Children	61
10.	Digital Flashcards (Tenses)	68
11.	Investigating Students' Concerns on The Development of Masterly!	74
12.	Googly Eyes: A Game to Improve English Usage Among Teenagers	80
13.	Providing Subtitles for Malaysian YouTuber	86
14.	Read and Play: Improving Adolescent's Reading Skills Through Video Games	91
15.	Thoughts by Her Soul Bookmark	99
16.	The Comedy of Errors Simplified: "Egeon's 18Th Reasons Why"	105
17.	Oliver Green: Improving Homonyms Understanding Through Comics	112
18.	PWSP: Phonetic Word Search Puzzle Book	117
19.	Floriography	121
20.	A Preliminary Study on The Young Adult's Perception of Learning English Using the Website: Swifties Read	126
21.	A Place for Poets: An Online Poetry Recitation Series	133
22.	Say It Right with Ya	140
23.	Don't Touch My No-No Square	150
24.	Templatify: An E-Book Collection of Ecards Templates	158
25.	Short Story: Disease Takes Happiness Away	164
26.	Dusted Lines: A Compilation of Self-Written Poems	170
27.	'What's Your Philosophy?' An Edutaining Card Game	177
28.	Be Cool, Not Cruel	185
29.	Grammar Made Fun with TikTok	192
30.	Interactive Journaling as A Mental Health Coping Strategy for Youths	201
31.	Learned – Spoken: Manglish	212
32.	Lost in the Labyrinth of My Mind	218
33.	Translation of Abqorie's Fardhu Ain Module for Smart Tahfiz & Transit Abqorie	225
34.	Poetry for Us: Expressing Feelings Through Creative Writing	231
35.	Lyacomms' Proofreading and Editing Service	238



No.	Title	Page Number
36.	The Effectiveness Of ‘Master the Verbs’ Instagram Flashcards Among Year Six Low Proficiency Level Students	244
37.	My Malay Fables	252
38.	Talking Story: eBooks to Improve Reading Comprehension Skills	259
39.	Exploring Creative Writing as A Tool to Enhance Mental Health	272
40.	Movie Moo	281
41.	English Pitstop	288
42.	Upin Ipin Reding Kit	294
43.	Seventy-Two Beats a Second	301
44.	Knowing Kristang	308
45.	Creatorslation: The Role of Technology in Translation Service	313
46.	Travel Guide as a Medium to Improve English Comprehensiveness	319
47.	Posterlance	328
48.	Crossfunetics	336
49.	The Effectiveness of Board Games to Promote Student Attention and Enjoyment in English Subject	342
50.	The Use of e-Books and Social Media in Introducing Malaysian Folklores Among Children	352
51.	Creepypodcast YouTube Channel	357
52.	Mastermind’: English Board Game	363
53.	한국어 In Melayu!	369
54.	Triple P with Sang Kancil: Pronunciation, Phonetics, and Playbook	376
55.	"So, She Reads" Book Blog	383
56.	Abbyfication: A Grammar-Based Word Game	389
57.	Klick! A Content Writing Service	396
58.	The Love Levanter Podcast	403
59.	Let’s Talk Feelings Podcast	409
60.	Grafixmoon: Poster Designing Service	415
61.	The Circle of Life	422
62.	Hops the Dwarf	430
63.	Malay Corner: Learning Malay Through Discord	435
64.	Movie: This and That	441
65.	Phone the Phonetics: Phonetic Flashcards	449
66.	And What If?	455
67.	Interrupted: Life in A Podcast	458
68.	@Phoneticisfun	463
69.	Culinary and Creative Writing: When Two Worlds Collide	468
70.	Talk in Senses	473
71.	Piano Pleasure Course	480
72.	Step by Step: A Motivational Instagram Account	486
73.	Figurative Language! An Educational Autobiography	492
74.	Of Power, Devotion and Betrayal: A Collection of Malaysian Princesses’ Folklores	499
75.	Tell Me, How’s Everything? An Anthology of Poems to Increase the Understanding of Figurative Language	505



No.	Title	Page Number
76.	Oh, Lendu Youth	513
77.	Living the Hard Life	520
78.	Mirror, Mirror, on the Wall, Who Is the Best of Us All?	528
79.	Beyond the Crowded Space: The Use of Podcast in Improving Psychological Well-Being	535
80.	Samdil: Same Music, Different Language	541
81.	Bejalai: A YouTube Journey	547
82.	Mind Your Language	552
83.	Pop Music Podcast: A Bop or A Flop?	560
84.	Exploring The English Language Teachers' Beliefs And Practices In Implementing CEFR-Aligned Formative Assessment In Malaysian Primary Schools	570
85.	Pencapaian Ucapan Bayi Sejak Lahir Hingga Dua Belas Bulan	575
86.	Mengkaji Makna Bahasa Lukisan Kanak - Kanak Muda Usia 0-3 Tahun	585
87.	Penelitian Terhadap Kesiapan, Motivasi Dan Faktor Persekitaran Murid Bukan Penutur Natif Terhadap Pembelajaran Dan Pemudahcaraan Karangan Respon Terbuka Di Sekolah Antarabangsa Kuala Lumpur	599
88.	Pengaruh Bahasa Ibunda Dalam Kalangan Murid Bukan Melayu Tahun 5 Semasa Menulis Karangan: Satu Kajian Kes	610
89.	Meningkatkan Penguasaan Penulisan Karangan Naratif Murid Tahun 6 Menggunakan Kit Ikan Karang	619
90.	Pengaruh Dialek Kedah Terhadap Fonetik Dan Leksikal Kata Soal Pelajar Pispmp: Satu Kajian Kes	633
91.	Tahap Pengetahuan Guru Pelatih Mempengaruhi Kekekapan Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Subjek Bahasa Melayu	643



MENINGKATKAN PENGUASAAN PENULISAN KARANGAN NARATIF MURID TAHUN 6 MENGGUNAKAN KIT IKAN KARANG

Nur Arina Binti Che Man¹, Mohd Faizul Hafiz Bin A Razak², *Fauziah Hanim Binti Md Yusof³

¹Pismp Ambilan Jun 2019

²Pensyarah Akademik, IPG Kampus Ipoh

³Pensyarah kanan, IPG Kamps Ipoh

*Corresponding author

ABSTRAK:

Penyelidikan tindakan ini dilaksanakan bagi membantu murid dalam membina karangan yang mempunyai isi yang terhad dan tidak dapat mengemukakan isi yang bersesuaian dalam penulisan karangan naratif. Reka bentuk kajian ini berpandukan model Kurt Lewin (1946). Peserta kajian seramai lima orang murid tahun 6 dalam kategori pencapaian memuaskan sebagai peserta kajian. Fokus utama kajian tindakan ini dijalankan adalah bagi meningkatkan keupayaan murid untuk mengemukakan isi yang mencukupi dan bersesuaian dengan kehendak soalan penulisan karangan naratif. Tindakan awal telah dilaksanakan melalui analisis dokumen dan pemerhatian menerusi ujian diagnostik. Dapatan menunjukkan isu murid kekurangan idea yang bertepatan dengan tajuk karangan serta isi yang terhad menyebabkan karangan yang dihasilkan adalah tidak berkualiti. Bagi mengatasi isu ini, bahan bantu mengajar (BBM) Kit Ikan Karang telah diperkenalkan dan diaplikasi sepanjang sesi PdP penulisan karangan naratif. Hasil pengumpulan data menunjukkan impak Kit Ikan Karang yang positif ke atas murid berdasarkan analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual yang dijalankan. Hal demikian dibuktikan dengan penulisan karangan naratif yang lebih berkualiti dengan mengemukakan isi-isi yang bertepatan dan memenuhi jumlah yang diperlukan. Justeru itu, dapat dikatakan bahawa Kit Ikan Karang yang diperkenalkan dan digunapakai oleh guru berupaya membantu murid untuk mengemukakan isi dan idea karangan naratif dengan baik.

Kata Kunci: Kit Ikan Karang, isi yang bersesuaian, karangan naratif, meningkatkan, penulisan

1. PENGENALAN

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu menawarkan lima kemahiran asas yang perlu dipelajari oleh murid sejak sekolah rendah seperti kemahiran menulis yang merupakan cabang kemahiran yang penting untuk melengkapkan proses kelangsungan berbahasa (Faridah Nazir & Faiziah Shamsudin, 2016). Kemahiran menulis melibatkan penulisan karangan sering dikatakan sukar untuk dikuasai (Suppiah Nachiappan et al., 2018). Hal demikian kerana terdapat pelbagai jenis karangan yang dipelajari oleh murid seperti karangan terkawal, karangan separa terkawal, karangan berpandu, karangan separa berpandu dan karangan bebas. Walaupun begitu, kajian ini memfokuskan kepada karangan bebas iaitu karangan naratif. Menurut Faridah Nazir dan Faiziah Shamsudin (2016) karangannaratif merupakan karangan yang berbentuk cerita, berita, laporan, rencana dan ulasan.

Oleh hal demikian, kebolehan mengolah isi, bahasa dan susunan organisasi yang baik diperlukan dalam kemahiran menulis karangan naratif (Nur Fazalina Hussin & Suriana

Mohamed Bakri, 2014). Maka, kajian ini dijalankan bagi membantu murid berada pada tahap memuaskan dan lemah bagi menguasai penulisan karangan naratif melibatkan pemerolehan isi dan idea yang bersesuaian dengan tajuk karangan menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) Kit Ikan Karang. Hal ini bagi mencapai Standard Kandungan (SK) 3.7 menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan betul serta Standard Pembelajaran (SP) 3.7.1 menghasilkan perenggan yang kohesi dan koheren dengan betul. Melalui pemerolehan isi karangan yang bertepatan ini, aspek koheren dan kohesi dapat dicapai dalam penulisan karangan naratif.

1.1 Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Berdasarkan sesi PdP yang lalu, pengkaji mendapati bahawa terdapat segelintir murid tidak berupaya menghasilkan karangan yang bertepatan dengan tajuk karangan tanpa bimbingan guru. Melalui pemerhatian, murid-murid ini mempunyai kesukaran dalam mencari dan menghuraikan idea bagi menghasilkan sebuah karangan yang mempunyai pertautan antara perenggan. Keadaan ini dapat dilihat melalui karangan yang dihasilkan oleh murid yang tidak mempunyai isi yang bersesuaian, lari daripada tajuk karangan serta karangan yang pendek disebabkan jumlah isi yang tidak mencukupi. Hal ini telah menyebabkan pengkaji terpanggil untuk menjalankan kajian tindakan bagi membantu murid untuk menulis karangan naratif.

1.2 Pengumpulan Data Awal

Melalui kaedah pemerhatian dan analisis dokumen berdasarkan ujian diagnostik yang dijalankan, pengkaji telah berjaya mengenal pasti lima orang pesertakajian yang berada pada tahap memuaskan. Hasil daripada penulisan karangan mereka, terdapat masalah yang melibatkan kekurangan isi, isi tidak bersesuaian, tiada perenggan penutup berserta isi penutup dan tiada isi huraian. Keadaan ini telah menjejaskan pemerolehan markah bagi bahagian isi iaitu purata markah sebanyak 3.8 markah daripada 10 markah penuh.



Rajah 1 Karangan Isi Tidak Bersesuaian

1.3 Fokus Kajian

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk mengenal pasti kelemahan murid tahun enam bagimenjana idea dalam penulisan karangan naratif Bahasa Melayu di sebuah sekolah daerah di Kinta Utara, Perak. Merujuk DSKP Bahasa Melayu Tahun Enam, murid-murid mempelajari penulisan karangan naratif dengan SP 3.7.2 yang menggariskan penghasilan penulisan imaginatif dan deskriptif dengan bahasa yang menarik. Pengkajian ini dilihat dari segi penjanaan idea yang tidak bertepatan dengan tajuk karangan naratif yang menyebabkan karangan yang dihasilkan adalah tidak berkualiti dan tidak menarik.

Dalam kajian ini, murid dapat menulis dan menghasilkan karangan namun idea yang dihasilkan adalah sedikit atau tidak bersesuaian dengan tajuk menyebabkan pengkaji ingin memfokuskan kajian dari aspek ini. Menurut Nurul Aisyah Abdullah et al. (2016), penulisan karangan yang lemah adalah disebabkan ketiadaan isi utama dan kelemahan penghuraian isi utama melibatkan isi-isi sampingan. Hal demikian berkemungkinan kerana murid hanya menulis beberapa ayat yang berkaitan dengan tajuk (Yusfaiza Yusof & Mohd Ishah Awang, 2012). Maka dapat dikatakan bahawa murid mempunyai kesukaran dalam menjana idea yang bersesuaian bagi menghasilkan sebuah karangan yang mempunyai pertautan antara perenggan.

Oleh hal demikian, pengkaji berpendapat bahawa penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) iaitu Kit Ikan Karang dapat membantu murid dalam merangka karangan dengan membantu murid mencari isi karangan dengan lebih efektif. Kit Ikan Karang merupakan sejenis BBM yang berkonsepkan peta minda iaitu peta tulang ikan. Kit ini berfungsi memudahkan murid untuk mengisi idea seperti isi utama dan isi sampingan di dalam kit tersebut. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Yahya Othman dan Azmey Othman (2012), penggunaan strategi peta minda berkesan dalam meningkatkan penulisan karangan argumentatif pelajar. Karangan argumentatif ini juga merupakan salah satu jenis karangan naratif. Walau bagaimanapun, kajian ini memfokuskan kepada karangan naratif cerita.

Kajian ini dirancang untuk meningkatkan pencapaian murid-murid Tahun Enam dalam penulisan karangan naratif serta menambah baik amalan pengajaran guru di samping membantu murid bagi menghasilkan penulisan karangan yang berkualiti menggunakan Kit Ikan Karang.

1.4 Objektif Kajian

Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengenal pasti tahap penguasaan murid dalam penulisan karangan naratif menggunakan Kit Ikan Karang dalam kalangan murid tahun 6.
2. Meningkatkan tahap penguasaan murid tahun 6 dalam penulisan karangan naratif menggunakan Kit Ikan Karang.
3. Memerihalkan amalan penambahbaikan pedagogi guru dalam meningkatkan penguasaan murid dalam penulisan karangan naratif dengan menggunakan Kit Ikan Karang.

1.5 Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menjawab soalan berikut:

1. Bagaimanakah tahap penguasaan murid dalam penulisan karangan naratif dengan menggunakan Kit Ikan Karang?
2. Adakah Kit Ikan Karang dapat meningkatkan tahap penguasaan murid dalam penulisan karangan naratif dalam kalangan murid tahun 6?
3. Bagaimanakah guru menambah baik amalan pedagogi bagi meningkatkan pencapaian murid tahun 6 dalam penulisan karangan naratif melalui penggunaan Kit Ikan Karang?

1.6 Peserta Kajian


Pengkaji sebagai guru Bahasa Melayu memilih untuk melaksanakan kajian ini di sebuah sekolah rendah di daerah Kinta Utara, Perak Darul Ridzuan. Kajian ini dijalankan ke atas lima orang murid tahun enam yang dipilih daripada 25 orang murid berdasarkan hasil ujian diagnostik yang dijalankan. Peserta kajian ini melibatkan kedua-dua jenis jantina iaitu dua orang lelaki dan tiga orang perempuan. Kebanyakan murid di dalam kelas ini terdiri daripada keluarga yang sederhana dan mempunyai prestasi akademik yang pelbagai kerana tiada perkelasan mengikut

tahap akademik murid.

Walau bagaimanapun, peserta kajian merupakan murid tahun enam yang berada pada tahap memuaskan dalam prestasi akademik bagi subjek Bahasa Melayu. Mereka merupakan murid yang mempunyai masalah dalam penulisan karangan khususnya dalam menjana idea dan memberikan isi karangan. Peserta kajian juga pernah mempelajari penulisan karangan pada sesi pembelajaran yang lepas namun masih belum dapat menguasai dengan baik. Berdasarkan batasan kajian yang telah dinyatakan, kajian ini tidak dapat mewakili kepada semua murid di dalam sekolah tersebut tetapi hanya layak digunakan ke atas lima orang peserta kajian sahaja. Walaupun begitu, dapatan kajian ini dapat dijadikan rujukan dan garis panduan bagi pembelajaran kemahiran menulis melibatkan penulisan karangan dengan menggunakan Kit Ikan Karang.

2. TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Kajian yang dijalankan ini berpandukan model Kurt Lewin (1946) yang melibatkan empat proses utama. Menurut Norhana Binti Mohamad Saad dan Wan Norsilawati Wan Mamat (2022), model ini merupakan suatu inisiatif meliputi proses merancang, melaksana, memerhati dan membuat refleksi dalam menganalisis data.



Rajah 2 Adaptasi Model Penyelidikan Kurt Lewin (1946)

Berdasarkan Rajah 1 berikut, keempat-empat proses ini dibahagikan kepada tiga minggu bagi mengumpulkan data-data yang diperlukan dalam kajian ini. Setelah mengenal pasti peserta kajian, ujian pra diberikan pada minggu pertama bagi mengetahui tahap prestasi peserta kajian dalam penulisan karangan naratif. Seterusnya, pada minggu kedua, Kit Ikan Karang diperkenalkan secara berperingkat dan digunakan oleh peserta kajian sehingga dapat menghasilkan sebuah karangan naratif. Pada minggu ketiga, ujian pos yang mempunyai soalan yang sama dengan ujian pra diberikan untuk menganalisis perbezaan skor di antara kedua-dua ujian bagi mengetahui keberkesanan intervensi yang dijalankan. Pada akhir sekali, refleksi dilakukan bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan kajian yang dijalankan. Walau bagaimanapun, langkah tindakan ini dijalankan berdasarkan perancangan dalam Jadual 1 berikut yang lebih terperinci selama tiga minggu.

Masa	Aktiviti	Huraian	Instrumen
Minggu 1	Ujian Pra	- Peserta kajian diberikan ujian pra penulisan karangan naratif berkaitan sambutan hari kemerdekaan di sekolah.	- Ujian Pra Penulisan Karangan Naratif
Minggu 2	Intervensi 1: Penerangan Kit Ikan Karang	- Peserta kajian diperkenalkan dan diterangkan mengenai Kit Ikan Karang dan cara menggunakannya.	Kit Ikan Karang Slaid Pembelajaran Komputer riba Projektor LCD
	Intervensi 2: Pengenalan Kit Ikan Karang	- Peserta kajian diberi peluang untuk mempraktikkan cara-cara menggunakan Kit Ikan Karang.	Kit Ikan Karang Karangan Percutian Keluarga
	Intervensi 3: Merangka Karangan Menggunakan Kit Ikan Karang	- Peserta kajian merangka karangan menggunakan Kit Ikan Karang bagi menghasilkan karangan naratif dengan bimbingan guru.	Kit Ikan Karang Lembaran kerja "Gotong-royong di sekolah"
	Intervensi 4: Menulis Karangan Menggunakan Kit Ikan Karang	- Peserta kajian diberikan topik dan menggunakan Kit Ikan Karang bagi merangka karangan untuk menghasilkan karangan naratif tanpa bimbingan guru.	Kit Ikan Karang Lembaran kerja "Pengalaman Pulang ke Kampung"
Minggu 3	Ujian Pos	- Murid diberikan ujian pos penulisan karangan naratif berkaitan sambutan hari kemerdekaan di sekolah.	- Ujian Pos Penulisan Karangan Naratif

Jadual 1 Jadual Pelaksanaan Tindakan

2.1 Kaedah Mengumpul dan Menganalisis Data

Penentuan kaedah pengumpulan data adalah berdasarkan kerelevanan situasi, objektif kajian dan kepakaran pengkaji (Chow & Jaizah, 2011). Pengkaji bercadang untuk menggunakan tiga kaedah pengumpulan data bagi mendapatkan data secara holistik iaitu ujian penilaian, pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. Kaedah-kaedah ini dijalankan sebelum, semasa dan selepas penggunaan Kit Ikan Karang bagi meningkatkan kesahan data yang diperoleh. Jadual 2 berikut menunjukkan instrumen yang digunakan bagi melaksanakan kaedah yang dipilih.

Bil.	Kaedah	Instrumen
1.	Ujian	Ujian Diagnostik Ujian Pra Ujian Pos
2.	Pemerhatian	Senarai semak Ya – Tidak
3.	Temu bual	Transkripsi temu bual

Jadual 2 Kaedah Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, pengkaji telah menjalankan tiga jenis ujian ke atas peserta kajian iaitu ujian diagnostik, ujian pra dan ujian pos. Ujian diagnostik merupakan instrumen bagi mengesan kelemahan dan masalah sebenar murid di peringkat awal (Yuznaili Saleh, 2020). Hal ini memudahkan pengkaji bagi merancang kaedah penyelesaian masalah yang sesuai. Ujian pra dan

ujian pos pula merupakan instrumen yang berfungsi bagi mengumpulkan data pencapaian murid melalui kiraan skor yang diperoleh oleh peserta kajian. Kiraan skor adalah berpandukan rubrik pemarkahan yang disediakan. Instrumen ini melibatkan satu soalan penulisan karangan naratif yang mengandungi 10 markah bagi bahagian isi. Masa yang diperuntukkan adalah selama 45 minit dan penilaian karangan berdasarkan satu isi dalam perenggan pendahuluan dan penutup serta empat isi utama dan huraian dalam perenggan isi.

Seterusnya, kaedah pemerhatian berstruktur bertujuan mengumpulkan data dengan mengamati tingkah laku peserta kajian berdasarkan aspek-aspek yang disenaraikan dalam borang senarai semak yang disediakan. Item 1 melibatkan pendedahan Kit Ikan Karang secara terancang manakala Item 2 mengenai penglibatan murid sepanjang penggunaan Kit Ikan Karang. Seterusnya, Item 3 dan Item 4 pula berkaitan reaksi dan tingkah laku peserta kajian terhadap Kit Ikan Karang dan item terakhir iaitu Item 5 melibatkan pencapaian yang diperoleh oleh peserta kajian selepas menggunakan Kit Ikan Karang. Akhir sekali, kaedah temu bual dijalankan bersama-sama guru Bahasa Melayu Tahun 6 sebelum dan selepas Kit Ikan Karang diaplikasikan untuk mengetahui persepsi dan pandangan guru terhadap kajian yang dijalankan. Kemudian kaedah temu bual berstruktur dijalankan ke atas peserta kajian dalam tempoh 6 minit bagi menjawab lima soalan temu bual melibatkan jawapan-jawapan yang terhad seperti “ya” atau “tidak”. Data-data ini direkodkan bagi dianalisis seperti dalam jadual di bawah.

Bil.	Kaedah	Instrumen	Kaedah Menganalisis
1.	Ujian	Ujian Pra Ujian Pos	Statistik Deskriptif menggunakan penskoran Analisis Dokumen
2.	Pemerhatian	- Senarai semak Ya – Tidak (Kemahiran)	Statistik Deskriptif menggunakan peratusan $\frac{\text{Jumlah reaksi}}{\text{Jumlah peserta kajian}} \times 100\%$
3.	Temu bual	- Transkripsi temu bual	Analisis kandungan Analisis tematik


Jadual 3 Kaedah Menganalisis Data

2.2 Kaedah Menyemak Data

Salah satu cara untuk memberikan kepercayaan yang tinggi terhadap data kualitatif yang diperoleh adalah dengan menggunakan kaedah triangulasi melibatkan pelbagai jenis kaedah (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Hal demikian kerana triangulasi melibatkan penggunaan pelbagai kaedah pengumpulan data yang dapat meningkatkan kesahan dan kepercayaan yang tinggi kerana data yang diperoleh daripada satu teknik diperkukuhkan lagi oleh teknik yang lain (Zanaton Iksan et al., 2016). Berdasarkan kaedah triangulasi ini, pengkaji menggunakan tiga kaedah yang berbeza iaitu ujian pra dan pos, pendekatan pemerhatian dan temu bual bagi mengumpulkan dan menganalisis data dalam kajian ini.

3. DAPATAN KAJIAN

Setelah langkah tindakan dan pengumpulan data dilaksanakan, hasil dapatan data di rekod dan dianalisis. Bagi ujian pra dan pos, pengkaji ingin melihat sejauh mana kesan Kit Ikan Karang terhadap pencapaian penulisan karangan naratif murid. Perbandingan skor ujian pra dan ujian pos yang di kumpul direkodkan dalam graf berikut.



Rajah 3 Perbandingan Skor Ujian Pra dan Pos Peserta Kajian

Berdasarkan Rajah 3 di atas, terdapat perbezaan yang ketara antara skor ujian pra dan pos peserta kajian. Perbandingan skor ujian pra dan ujian pos bagi setiap peserta kajian dianalisis secara lebih terperinci pada rajah dan jadual berikut.


Pesertakajian	Skor			
	Aspek	Ujian Pra	Ujian Pos	Perbezaan
PK 1	Pendahuluan	1	1	0
	Isi	2	8	+6
	Penutup	0	1	+1
PK 2	Pendahuluan	1	1	0
	Isi	2	8	+6
	Penutup	1	1	0
PK 3	Pendahuluan	1	1	0
	Isi	3	8	+5
	Penutup	0	1	+1
PK 4	Pendahuluan	1	1	0
	Isi	3	8	+5
	Penutup	1	1	0
PK 5	Pendahuluan	1	1	0
	Isi	1	8	+7
	Penutup	1	1	0

Jadual 4 Rekod markah peserta kajian

Berdasarkan graf dan Jadual 3 berikut, dapat dilihat perbezaan skor ujian pra dan ujianpos bagi setiap peserta kajian yang menunjukkan peningkatan bagi setiap skor berikut . Hal ini dibuktikan dengan skor ujian pos yang lebih tinggi berbanding skor ujian pra. Maka, pencapaian murid yang meningkat daripada tahap memuaskan kepada tahap cemerlang menunjukkan kesan

Kit Ikan Karang yang positif dalam meningkatkan penguasaan penuliskan karangan naratif murid. Seterusnya, graf berikut merupakan hasil data yang direkodkan daripada pemerhatian berstruktur yang dijalankan.

Berdasarkan Rajah 4, aspek 1, 3 dan 5 mempunyai bilangan kekerapan 'Ya' yang sama iaitu 5 yang mewakili 100%. Seterusnya bagi aspek 2 dan 4 pula, bilangan kekerapan 'Ya' hanya sebanyak 4 yang mewakili 80% kerana terdapat satu bilangan 'tidak' pada aspek tersebut mewakili 20%. Hasil pengumpulan data ini telah direkodkan dalam jadual berikut.



Rajah 4 Analisis Borang Senarai Semak Pemerhatian



Bil.	Aspek	Peserta Kajian	Pemerhatian		Catatan
			Ya	Tidak	
	Murid mendapat pendedahan Kit				
1.	Ikan Karang dengan tersusun seperti yang dirancang.	Semua	5		Dapat
2.	Penglibatan aktif murid semasa aktiviti pembelajaran menggunakan Kit Ikan Karang berlangsung	PK1		1	Pemalu dan memberikan kerjasama.
3.	Murid memberikan fokus semasa aktiviti pembelajaran dijalankan	PK2-PK5	4		Aktif.
4.	Murid menjawab pertanyaan guru dengan aktif.	Semua	5		Sangat fokus.
		PK1		1	Menjawab apabila ditanya.
		PK2-PK5	4		Menjawab dengan aktif.
5.	Murid melepasi markah tahap cemerlang semasa menjalankan latihan menggunakan Kit Ikan Karang	Semua	5		Cemerlang

Jadual 5 Borang Senarai Semak Pemerhatian Berstruktur

Berdasarkan hasil pemerhatian berstruktur yang dijalankan, semua peserta kajian mendapat pendedahan Kit Ikan Karang dengan tersusun seperti yang dirancang, memberikan fokus semasa aktiviti pembelajaran dijalankan, serta melepasi markah tahap cemerlang semasa menyiapkan latihan menggunakan Kit Ikan Karang. Walau bagaimanapun, hampir semua peserta kajian kecuali peserta kajian 1 berupaya melibatkan diri secara aktif semasa aktiviti pembelajaran menggunakan Kit Ikan Karang berlangsung dan menjawab pertanyaan guru dengan aktif. Hal ini berkemungkinan berpunca daripada sikap pemalu peserta kajian 1 yang hanya menjawab apabila ditanya oleh guru.

Individu	Transkripsi	Tema
Pengkaji	:Seterusnya, apakah pendapat cikgu mengenai pencapaian murid setelah menggunakan Kit Ikan Karang?	
Guru	:Dari segi penggunaan Kit Ikan Karang ini, sangat mudahlah untuk saya sediakan pada setiap orang murid serta ringkas	

dan padat. Berdasarkan pengalaman saya mengajar, Kit Ikan Karang **memudahkan saya untuk mengajar murid cara untuk mencari isi dengan mudah.** Saya hanya perlu menerangkan tajuk kemudian murid boleh terus menggunakan Kit Ikan Karang untuk memberikan isi-isi karangan yang sesuai. Bagi saya, ini **memudahkan kerja saya untuk membimbing murid serta melancarkan sesi PdP saya.** Mudah

Pengkaji	:Adakah Kit Ikan Karang membantu cikgu dalam sesi pengajaran karangan naratif?	
Guru	: Sangat membantu! Pada awalnya, saya perlu berbincang dengan murid-murid mengenai isi karangan. Tetapi kali ini saya hanya perlu menerangkan tajuk serta berkongsi idea jika diperlukan sahaja. Mereka dapat mencari isi dengan sendiri apabila menggunakan Kit Ikan Karang ini dan sangat kreatif. Saya sangat bersyukur melihat situasi ini dalam sesi PdP saya. Membantu	
Pengkaji	:Adakah Kit Ikan Karang ini berupaya meningkatkan amalan pedagogi dalam penulisan karangan naratif?	
Guru	:Bagi pendapat saya, ya. Kit Ikan Karang ini mampu meningkatkan amalan pedagogi dalam penulisan karangan naratif. Saya dapat lihat kesan yang memberangsangkan daripada murid-murid serta memudahkan sesi PdP saya juga. Dari segi itu, saya juga bukan sahaja menggunakan buku teks dalam sesi PdP tetapi menambah penggunaan BBM lain seperti Kit Ikan Karang ini. Ada kelainanlah berbanding sesi PdP saya yang lalu. Maka Kit Karang ni meningkatkan amalan pedagogi saya. Berkesan	

Jadual 6 Analisis Tematik Transkripsi Temu Bual bersama Guru Bahasa Melayu

Berdasarkan transkripsi temu bual di atas, dapat dikatakan penggunaan BBM Kit Ikan Karang telah berjaya memudahkan dan membantu guru untuk menghasilkan satu sesi PdP yang berkesan. Hal ini dapat dilihat daripada maklum balas guru yang mengatakan sesi PdP beliau menjadi lebih mudah untuk dilaksanakan dan lancar. Selain itu, Kit Ikan Karang turut membantu guru dalam melaksanakan pembelajaran berpusatkan murid dan bahan serta bertindak sebagai fasilitator dengan lebih maksimum. Oleh itu, beliau memberikan maklum balas yang positif terhadap penggunaan Kit Ikan Karang dalam sesi PdP beliau yang dikatakan memberi kesan yang memberangsangkan kepada murid.

Objektif Kajian 1: Bagaimanakah tahap penguasaan murid dalam penulisan karangan naratif dengan menggunakan Kit Ikan Karang?

Berdasarkan ujian diagnostik yang dijalankan, telah didapati bahawa seramai lima orang murid daripada 25 orang murid bersamaan 20% berada pada tahap memuaskan dalam penulisan karangan naratif. Melalui ini, lima orang murid ini dijadikan peserta kajian dan diberikan intervensi menggunakan Kit Ikan Karang. Hasil perbandingan ujian pra dan pos kelima-lima peserta kajian ini telah mendapati bahawa tahap penguasaan murid berubah daritahap memuaskan kepada tahap cemerlang dengan menggunakan Kit Ikan Karang. Oleh itu dapat dikatakan tahap

penguasaan murid dalam penulisan karangan naratif dengan menggunakan Kit Ikan Karang adalah berada pada tahap yang cemerlang.

Soalan Kajian 2: Adakah Kit Ikan Karang dapat meningkatkan tahap penguasaan murid dalam penulisan karangan naratif dalam kalangan murid tahun 6?

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, aspek 5 telah mendapati bahawa peserta kajian berjaya melepasi markah tahap cemerlang semasa menjalankan latihan menggunakan Kit Ikan Karang. Selain itu, terdapat perbezaan yang ketara di antara markah ujian pra dan ujianpos yang menunjukkan peningkatan markah sehingga mencapai markah penuh bagi aspek isi dalam penulisan karangan naratif iaitu 10 markah. Oleh itu, tahap penguasaan murid yang berada pada tahap memuaskan berjaya ditingkatkan kepada tahap yang cemerlang. Hal ini menunjukkan Kit Ikan Karang berjaya meningkatkan tahap penguasaan murid dalam penulisan karangan naratif.

Soalan Kajian 3: Bagaimanakah guru menambah baik amalan pedagogi bagi meningkatkan pencapaian murid tahun 6 dalam penulisan karangan naratif melalui penggunaan Kit Ikan Karang?

Berdasarkan transkripsi temu bual ini, terdapat tiga tema yang berjaya dikenal pasti iaitu mudah, membantu dan berkesan. Melalui tema-tema ini, dapat dikatakan bahawa Kit Ikan Karang telah berjaya memudahkan dan membantu sesi PdP yang dijalankan oleh guru sehingga berkesan. Keadaan ini telah berjaya menambah baik amalan pedagogi guru tersebut. Hal ini dibuktikan dengan pendapat guru yang menyatakan Kit Ikan Karang ini telah berupaya meningkatkan amalan pedagogi beliau kerana mudah digunakan oleh murid secara sendiri serta dapat dipelbagaikan bagi murid tahap dua yang lain. Kit Ikan Karang telah berjaya membolehkan murid meneroka isi karangan secara sendiri menyebabkan pendekatan pembelajaran beliau yang berpusatkan guru berubah kepada berpusatkan bahan dan murid. Secara tidak langsungnya, Kit Ikan Karang telah berjaya meningkatkan penglibatan aktif murid dalam kelas dan menjadi guru sebagai fasilitator sesuai dengan tuntutan Pendidikan Abadke-21 (PAK-21).

Menyemak Data

Sumber Data	Soalan Kajian 1	Soalan Kajian 2	Soalan Kajian 3
Ujian	Markah ujian pos mencapai tahap cemerlang.	Markah ujian pos adalah lebih tinggi berbanding ujian pra.	Murid berjaya mengemukakan 10 isi dalam latihan penulisan karangan naratif.
Pemerhatian	Murid memberikan 10 isi dalam penulisan karangannaratif iaitu pada tahap cemerlang.	Murid berjaya melepasi markah cemerlang dalam latihan penulisan karangan naratif.	Murid dapat menghasilkan karangannaratif secara sendiri.



Temu Bual	Guru berpendapat murid berjaya mencapai tahap cemerlang.	Guru menyatakan terdapat peningkatan tahap penguasaan murid.	Kit Ikan Karang berjaya menambah baik amalan pedagogi guru dengan melaksanakan pendekatan berpusatkan murid dan bahan.
------------------	--	--	--

Jadual 7 Perbandingan Hasil Data Triangulasi Kaedah

Berdasarkan jadual berikut, ketiga-tiga hasil data menunjukkan impak positif Kit Ikan Karang terhadap tahap penguasaan penulisan karangan naratif murid. Ketiga-tiga kaedah yang digunakan telah berjaya menjawab soalan kajian yang dikemukakan serta saling mengukuhkan antara dapatan data yang diperolehi. Kaedah ujian menunjukkan murid berada pada tahap cemerlang kerana berjaya melepasi markah cemerlang melalui kaedah pemerhatian. Berdasarkan temu bual, guru juga berpendapat bahawa Kit Ikan Karang berjaya menambah baik amalan pedagogi guru serta meningkatkan penguasaan murid dalam Maka, data ini dapat diterima dan mencapai objektif kajian yang ditetapkan.

4. REFLEKSI

Hasil kajian yang dijalankan berjaya membuktikan keberkesanan penggunaan BBM Kit Ikan Karang dalam meningkatkan penguasaan penulisan karangan naratif murid Tahun 6. Hal ini dapat ditinjau berdasarkan peningkatan markah isi bagi penulisan karangan naratif ujian pos berbanding ujian pra yang dijalankan. Dari sudut kekuatan BBM Kit Ikan Karang mengandungi seluruh aspek yang perlu ada di dalam penulisan karangan naratif. Oleh itu, peserta kajian dapat menguasai teknik penulisan karangan naratif bermula dari pendahuluan, isi dan penutup. Seterusnya, BBM Kit Ikan Karang telah berjaya menarik minat peserta kajian dan meningkatkan tahap pengetahuan peserta kajian terhadap penulisan karangan naratif. Menurut Abdul Rasid Jamian dan Hasmah Ismail (2013), penggunaan BBM dapat menghasilkan pembelajaran yang menyeronokkan dan berkesan dengan menarik minat murid dalam sesi PdP. Hal demikian kerana penggunaan BBM yang mudah dan ringkas juga berjaya menarik minat peserta kajian sehinggakan mereka dapat menguasainya dengan mudah. Latihan demi Latihan membolehkan peserta kajian untuk menguasai penulisan karangan naratif dan meningkatkan pencapaian mereka.

Menerusi kajian ini, pengkaji telah berjaya menyumbangkan satu BBM dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang boleh dimanfaatkan oleh pelbagai pihak sebagai suatu usaha menambah baik bidang pendidikan. Menurut Ling dan Norasmah Othman (2018), salah satu aspek yang dapat meningkatkan kualiti pengajaran guru ialah sumber pengajaran melibatkan penggunaan BBM. Walaupun begitu, dari segi kelemahan pengkaji mendapati bahawa penyediaan Kit Ikan Karang agak mencabar kerana perlu dicetak dan dipotong. Oleh hal demikian, pengkaji berhasrat untuk menghasilkan Kit Ikan Karang dalam bentuk modul buku yang dapat dijadikan buku latihan murid sebagai penambahbaikan. Tambahan lagi, melihat kepada kemajuan teknologi pada masa kini, Kit Ikan Karang juga boleh dihasilkan dalam bentuk aplikasi yang mudah untuk diakses menggunakan peranti pintar dan internet.

5. CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Melalui kajian yang telah dilaksanakan, terdapat beberapa penambahbaikan yang boleh dilakukan bagi memantapkan lagi Kit Ikan Karang dalam memenuhi keperluan-keperluan pembelajaran dan berkembang luas dalam bidang pendidikan. Cadangan tindakan susulan yang

pertama melibatkan penghasilan sebuah modul Kit Ikan Karang yang boleh dipakai terus oleh murid untuk menghasilkan rangka karangan dan penulisan karangan naratif. Selain itu, Zulkifli Md Yunus dan Shalizan Kadir (2022) berpendapat bahawa penghasilan aplikasi bersesuaian dengan situasi pembelajaran masa kini yang boleh menarik minat murid. Melalui ini, Kit Ikan Karang boleh dijadikan dalam bentuk aplikasi digital yang boleh diakses melalui peranti pintar di mana-mana atau bila-bila masa oleh murid dan guru. Aplikasi ini turut dapat dimuatkan dalam laman web DELIMa oleh pihak KPM supaya mudah diakses oleh pendidik-pendidik di seluruh negara.

Seterusnya, Kit Ikan Karang juga boleh diperluaskan bagi penghasilan karangan - karangan lain seperti karangan fakta, autobiografi dan sebagainya serta dipelbagaikan dalam bahasa-bahasa lain. Dari segi murid, Kit Ikan Karang boleh diluaskan penggunaannya oleh murid tahun empat, lima dan enam serta murid-murid yang berprestasi cemerlang dan baik. Oleh itu, Kit Ikan Karang dapat membimbing murid tahap dua untuk menghasilkan karangan naratif yang berkualiti. Selain itu, Muhammad Hayat Khan et al. (2021) menyatakan bahawa pelaksanaan aktiviti perkongsian pembelajaran sangat digalakkan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan guru. Oleh hal demikian, perkongsian Kit Ikan Karang kepada guru-guru Bahasa Melayu di pelbagai sekolah seluruh Malaysia boleh dilaksanakan bagi membantu guru menambah baik amalan pedagogi dan murid menguasai aspek penulisan karangan naratif cerita yang begitu sinonim dengan murid sekolah rendah.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail. (2013). Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(2), 49-63.
- Chow, F.M., & Jaizah Mahmud. (2011). *Kajian tindakan: konsep dan amalan dalam pengajaran*. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Faridah Nazir & Faiziah Shamsudin. (2016). *Pengajaran kemahiran Bahasa Melayu*. Sasbadi Sdn. Bhd.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012, Mac 28). *Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif*. Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository. http://eprints.utm.my/id/eprint/41093/1/KamarulAzmiJasmi2012_Kesahan%26KebolehpercayaanKajianKualitatif.pdf.
- Ling, C. J. & Norasmah Othman. (2018). Amalan penyeliaan dan hubungannya dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 3(22), 28-48.
- Muhammad Hayat Khan, Ahmad Zabidi Abdul Razak, & Husaina Banu Kenayathulla. (2021). Professional learning community, trust, and teacher professional development in malaysian secondary schools. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 46(1), 25-37.
- Norhana Binti Mohamad Saad & Wan Norsilawati Wan Mamat (2022), GeoMe3 Smart Kit meningkatkan kefahaman konsep poligon dalam kalangan murid tingkatan 2 Al Bukhari. *International Journal Of Education, Islamic Studies And Social Science Research*, 6(1), 51-60.
- Nurul Aisyah Abdullah, Zamri Mahamod & Nor Azwa Hanum Nor Shaid. (2016). Faktor-faktor yang mempengaruhi penulisan karangan Bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 1-9.
- Nur Fazalina Hussin & Suriana Mohamed Bakri. (2014). Gaya Bahasa Perbandingan dalam penulisan karangan naratif. *Menyemai bahasa menuai budi: Seminar Bahasa Melayu*. Academy of Singapore Teachers. <https://academyofsingaporeteachers.moe.edu.sg/docs/librariesprovider6/ml-poetry-sg50/seminar-bahasa-melayu-2014/kertas-kerjasesi->



sidang-selari/paper_4.pdf

- Suppiah Nachiappan, Gan, S. Y., & Sangkari Chandra Sehgar. (2018). Aplikasi kemahiran kognisi dalam pengajaran dan pembelajaran karangan Bahasa Melayu di SJK (cina) daerah Sabak Bernam. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 9, 32-40.
- Yahya Othman & Azmey Othman (2012). Keberkesanan penggunaan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran karangan argumentatif di sebuah sekolah menengah Arab di Negara Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2, 32-45.
- Yusfaiza Yusuff & Mohd Isha Awang. (2012). Aplikasi pembelajaran jigsaw ii dalam pengajaran penulisan bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 62-70.
- Yuznaili Saleh. (2020). Pembangunan ujian diagnostik kemahiran menulis Bahasa Melayu. *Jurnal Penyelidikan Ilmu IPGM*, 4(4), 42-52.
- Zanaton Iksan, Salasiah Hanin Hamjah, Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Mohd Noor Saper. Kualiti ilmu berasaskan kesahan dan kebolehpercayaan data dalam penyebaran ilmu Islam: perbincangan berasaskan kajian kualitatif. *Jurnal Hadhari*, 8(1), 13-30.
- Zulkifli Md Yunus & Shalizan Bin Kadir. (2022). Pembangunan aplikasi Smartec sebagai bahan bantu mengajar bagi kursus DET20033 electrical circuit di politeknik Kota Kinabalu. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 5(15), 87-93.